



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

PROSEDUR KUALITI

PK-SSM-P-SID-01

**POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013
(PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

NO. KELUARAN :



01

TARIKH KUAT KUASA:

26 JUN 2023

MUKA SURAT:

1/27

NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
DISEDIAKAN OLEH : MUHAMAD SOFIAN BIN BASAR	PENGURUS, SEKSYEN INTEGRITI DAN DISIPLIN	
DISEMAK OLEH : MOHD ASRUL HISYAM BIN MAMAT	PENGURUS KANAN, SEKSYEN INTEGRITI DAN DISIPLIN	
DILULUSKAN OLEH : MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS	PENGERUSI JAPR	

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA			
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA			
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01		MUKA SURAT	2/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN
				-

KANDUNGAN		
BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	4
2.	Tujuan	4 - 5
3.	Pemakaian	5
4.	Tafsiran	5 - 14
5.	Peranan, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa	15 - 20
6.	Perlindungan	20 - 21
7.	Kerahsiaan	22
8.	Pembatalan Perlindungan	22-23
9.	Saluran Pendedahan	23
10.	Saluran Kepada Agensi Penguatkuasaan Lain	24
11.	Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya dan Pegawai SSM	24 - 26
12.	Pembatalan	26
13.	Arahan Pentadbiran	26
14.	Tarikh Kuat Kuasa	27
15.	Penutup	27

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	3/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

SENARAI LAMPIRAN		
LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
Lampiran 1	Borang Pemberi Maklumat Dalaman SSM	-

	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	4/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

PENGENALAN

1. Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2023) SSM (Polisi) dirangka sebagai panduan kepada Anggota Suruhanjaya, Pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Pihak Ketiga untuk membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM, dan juga sebagai jaminan bahawa Pemberi Maklumat serta maklumat mengenai pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut akan dilindungi.

TUJUAN

2. Tujuan Polisi ini adalah seperti berikut:
- (a) Sebagai saluran rasmi kepada SSM mengendalikan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar;
 - (b) Menggalakkan Anggota Suruhanjaya, Pegawai SSM dan Pihak Ketiga membuat pendedahan berhubung sebarang Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM;
 - (c) Memberikan perlindungan ke atas Maklumat Sulit Pemberi Maklumat dan sebarang Tindakan Yang Memudaratkan terhadapnya; dan

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	5/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

(d) Menetapkan tugas dan tanggungjawab Anggota Suruhanjaya, Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko (JAPR), Pengurusan Tertinggi SSM, Seksyen Integriti & Disiplin (SID) dan Jawatankuasa yang bertanggungjawab mengendali, menyelaraskan dan menyiasat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar.

PEMAKAIAN

3. Polisi ini adalah terpakai untuk Anggota Suruhanjaya, Pegawai SSM dan Pihak Ketiga yang hendak membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM.

TAFSIRAN

4. Dalam Polisi ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

'Anggota' bermaksud Anggota Suruhanjaya termasuklah Pengerusi.

'Anggota Keluarga' bermaksud tafsiran yang merujuk pada Seksyen 15(5)(a), Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) iaitu "anggota keluarga", berhubung dengan seseorang Anggota Suruhanjaya atau sesuatu jawatankuasa.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	6/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

'Agensi Penguatkuasaan' bermaksud mana-mana Kementerian, Jabatan atau Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah mana-mana undang-undang sedia ada. Agensi Penguatkuasa Utama yang menggunakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) adalah:

- (a) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (b) Kastam Diraja Malaysia (KDM);
- (c) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- (d) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- (e) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

'Dokumen Kawalan Pengurusan Kerja (DKPK)' bermaksud dokumen-dokumen yang terdiri daripada Arahan, Pekeliling, Manual Prosedur Kerja/Manual Prosedur Kualiti, Garis Panduan dan lain-lain arahan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa yang dijadikan panduan dan rujukan semasa oleh Pegawai SSM ketika melaksanakan tugas harian dengan cekap dan berkesan.

'Dokumen Terperingkat' bermaksud dokumen rasmi yang mengandungi maklumat rahsia rasmi yang mesti diberi perlindungan untuk kepentingan

	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	7/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

keselamatan dan yang bertanda dengan suatu peringkat keselamatan sama ada Rahsia Besar, Rahsia, Sulit atau Terhad.

'Individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM' bermaksud Pegawai, Pengurusan Tertinggi SSM atau Anggota Suruhanjaya.

'Jawatankuasa Tatatertib' bermaksud jawatankuasa yang disebut di bawah Seksyen 6, Bahagian 1, Jadual Ketiga, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

'Kelakuan Tidak Wajar' bermaksud apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Rasuah atau suapan;
- (b) Salah guna kuasa;
- (c) Penyelewengan;
- (d) Pecah amanah;
- (e) Tuntutan palsu;
- (f) Penipuan;
- (g) Penyalahgunaan aset atau wang SSM;

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	8/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (h) Menerima atau meminta perkhidmatan atau barang bernilai tinggi daripada Pihak Ketiga yang berurusan dengan SSM seperti kontraktor atau pembekal;
- (i) Apa-apa perbuatan berbahaya yang boleh menggugat keselamatan atau kesihatan Pegawai SSM;
- (j) Memusnahkan, mencacatkan, mengubah atau menyembunyikan dokumen atau benda yang mempunyai kaitan dengan sesuatu siasatan;
- (k) Sebarang kesalahan yang memudaratkan di mana sifat perlakuan itu bertentangan dengan kepentingan SSM;
- (l) Kelakuan tidak beretika atau kelakuan tidak senonoh;
- (m) Pelanggaran polisi dan DKPK SSM; atau
- (n) Perbuatan yang menyalahi undang-undang.

'Kesalahan Jenayah' bermaksud apa-apa kesalahan yang dilakukan yang melanggar peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

'Kesalahan Tatatertib' bermaksud apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	9/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

'Ketua Jabatan' bermaksud Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Bahagian bagi Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat, Pengarah Negeri bagi SSM Negeri, Pengurus Cawangan bagi SSM Cawangan, Pengurus Kanan atau mana-mana pihak yang diberi kuasa secara bertulis oleh Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa.

'Ketua Pegawai Eksekutif' bermaksud Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

'Maklumat Sulit' bermaksud maklumat Pemberi Maklumat berkaitan identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau keberadaannya hendaklah dirahsiakan.

'Menteri' bermaksud Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pendaftaran syarikat, syarikat amanah, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

'Pegawai' bermaksud seseorang yang diambil bekerja secara tetap, kontrak, sementara atau pinjaman oleh SSM dan dibayar emolumen oleh SSM, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Jabatan atau Agensi Kerajaan mana-mana

	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	10/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan.

'Pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK)' bermaksud Pegawai atau pihak yang dilantik oleh JAPR dan diberi kuasa untuk menerima pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dan memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat di bawah Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2023) SSM.

'Pemberi Maklumat (PM)' bermaksud mana-mana orang yang membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar terhadap mana-mana individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM.

'Pendedahan Tanpa Nama' bermaksud sebarang pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tanpa dizahirkan identiti orang yang membuat pendedahan.

'Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar' bermaksud pendedahan maklumat tentang apa-apa Kelakuan Tidak Wajar yang melanggar peraturan dan undang-undang.

'Pengerusi' bermaksud Pengerusi yang telah dilantik oleh Menteri di bawah Seksyen 6, Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

'Pengurusan Tertinggi SSM' bermaksud Pengurusan Tertinggi SSM iaitu Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	11/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

'Penipuan' bermaksud melibatkan penipuan dan ketidakjujuran bagi keuntungan diri sendiri atau orang lain secara langsung atau tidak langsung.

'Percanggahan Kepentingan' (*Conflict of Interest*) bermaksud apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan Anggota Suruhanjaya atau Pegawai SSM telah atau mungkin –

- (a) membelakangkan kewajipannya kepada SSM demi kepentingan peribadinya;
- (b) menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada SSM atau kepentingan awam;
- (c) membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada SSM atau kepentingan awam sehingga menjejaskan kebergunaannya sebagai seorang Anggota Suruhanjaya atau Pegawai SSM; atau
- (d) menggunakan kedudukannya sebagai seorang Anggota Suruhanjaya atau Pegawai SSM bagi faedah sendiri, anggota keluarga, saudara atau sekutunya.

'Pihak Ketiga' bermaksud pemegang taruh (*stakeholders*)/rakan perniagaan (*business associates*) seperti vendor, kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, pembekal (*suppliers*), ejen, perbadanan, persatuan, badan, kumpulan atau mana-mana pihak.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	12/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

'Rasuah' bermaksud meminta atau menerima atau setuju untuk menerima, atau memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi termasuklah salah guna kuasa dan penyelewengan.

'Salah Guna Kuasa' bermaksud tindakan menggunakan kedudukan, kuasa atau jawatan seseorang dengan cara yang tidak dibenarkan termasuk tetapi tidak terhad kepada membuat keputusan dan tindakan dengan apa-apa perkara mengenainya yang mana seseorang itu, keluarga atau sekutunya mempunyai kepentingan atau keuntungan peribadi secara langsung atau tidak langsung.

'Saudara' bermaksud tafsiran yang merujuk pada Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 (Akta 694).

'Sekutu' bermaksud tafsiran yang merujuk pada Seksyen 15(5)(b) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) iaitu "sekutu", berhubung dengan seseorang Anggota Suruhanjaya atau sesuatu jawatankuasa, termasuklah tafsiran 'sekutu' pada Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 (Akta 694).

'Suapan' bermaksud tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 (Akta 694).

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	13/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

'Suruhanjaya' bermaksud Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

'Tindakan Yang Memudaratkan' termasuklah-

- (a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - (b) ugutan atau gangguan;
 - (c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, penamatan kontrak, penahanan bayaran yang sepatutnya dibayar, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
 - (d) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c) di atas.
5. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau perbezaan tafsiran, maka akta-akta berikut (tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa) hendaklah dirujuk:
- (a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605);

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	14/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (b) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);
- (c) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- (d) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 (Akta 694);
- (e) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614);
- (f) Arahan Keselamatan yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri Malaysia yang dikuatkuasakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- (g) Kanun Keseksaan (Akta 574); dan
- (h) Undang-undang lain yang berkaitan.

6. Walau apapun peruntukan di dalam Polisi ini, ianya tidak menghadkan kuasa mana-mana Pihak Berkuasa Tatatertib dan mana-mana peruntukan di dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	15/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN BIDANG KUASA

7. Peranan, Tanggungjawab dan Bidang Kuasa pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Polisi ini adalah seperti berikut:

7.1 Anggota Suruhanjaya

- (a) Meluluskan pelaksanaan dasar Polisi Pemberi Maklumat Dalam SSM; dan
- (b) Menyokong sepenuhnya pelaksanaan Polisi ini.

7.2 Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Risiko (JAPR)

- (a) Meluluskan Polisi dan tatacara-tatacara yang berkaitan bagi pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat Dalam SSM;
- (b) Meluluskan pelantikan PYDK, Ahli Jawatankuasa Penyelaras Pemberi Maklumat (JPPM) dan Jawatankuasa Siasatan (JS) dalam menjalankan tugas-tugas pengendalian, pengurusan, penilaian serta penyiasatan ke atas pendedahan Kelakuan Tidak Wajar; dan
- (c) Membuat keputusan berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh JPPM atau JS sama ada kes itu dirujuk

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	16/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

kepada Jawatankuasa Tatatertib, Agensi Penguatkuasaan Lain yang berkaitan atau apa-apa keputusan lain.

7.3 Pengurusan Tertinggi SSM

- (a) Memastikan Polisi ini dan mekanismenya dilaksanakan secara sempurna dan menyeluruh; dan
- (b) Menyokong sepenuhnya pelaksanaan Polisi ini.

7.4 Seksyen Integriti dan Disiplin (SID)

- (a) Mengendalikan urusan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM di bawah Polisi ini;
- (b) Menerima dan mendaftar pendedahan Kelakuan Tidak Wajar melalui saluran yang telah ditetapkan dalam Polisi ini sebelum dimajukan kepada JPPM dan JS;
- (c) Memastikan kerahsiaan Maklumat Sulit PM terjamin;
- (d) Menguruskan pelantikan PYDK yang turut dilantik sebagai Pegawai Pengelas;
- (e) Menguruskan pelantikan dua (2) jawatankuasa seperti berikut:

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	17/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (i) Jawatankuasa Penyelaras Pemberi Maklumat (JPPM);
dan
 - (ii) Jawatankuasa Siasatan (JS).
- (f) Mengendalikan sebarang komunikasi bersama PM dengan menggunakan Borang Pengesahan Status Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar berhubung status pendedahan seperti berikut:
- (i) mengeluarkan pengesahan penerimaan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada PM;
 - (ii) memaklumkan status tindakan ke atas pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada PM selepas menerima keputusan JPPM; dan
 - (iii) memaklumkan status keputusan siasatan terhadap pendedahan Kelakuan Tidak Wajar kepada PM selepas menerima kelulusan dan keputusan JAPR;
- (g) Menyelenggara rekod, laporan dan dokumen sokongan berkaitan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dibuat oleh PM, JPPM dan JS; dan

	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	18/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (h) Mengemukakan laporan statistik pendedahan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Polisi ini kepada JAPR.

7.5 Jawatankuasa Penyelaras Pemberi Maklumat (JPPM)

- (a) Menilai dan membuat saringan ke atas pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang diterima bagi menentukan sama ada:
- (i) pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM;
 - (ii) pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilaporkan adalah di bawah skop Polisi ini; dan
 - (iii) pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut mempunyai asas untuk disiasat.
- (b) Memaklumkan JAPR berhubung pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang tidak mempunyai asas untuk disiasat;
- (c) Memajukan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang mempunyai asas untuk disiasat kepada JS;
- (d) Mengemukakan laporan siasatan yang diterima daripada JS kepada JAPR untuk membuat keputusan; dan

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	19/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (e) Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar adalah terhadap Pegawai SID, maka Pegawai tersebut tidak boleh terlibat di dalam JPPM.

7.6 Jawatankuasa Siasatan (JS)

- (a) Menjalankan siasatan mengikut Arahan Ketua Pegawai Eksekutif dan Prosedur Pengurusan Siasatan Tatakelakuan SSM yang telah ditetapkan;
- (b) Mengemukakan laporan siasatan kepada JPPM; dan
- (c) Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar adalah terhadap Pegawai SID, maka Pegawai tersebut tidak boleh terlibat di dalam JS.

7.7 Pemberi Maklumat (PM)

- (a) PM hendaklah membuat laporan dengan niat yang baik dan ***bona fide***;
- (b) PM hendaklah membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar mengikut saluran yang telah ditetapkan di bawah Polisi ini; dan

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	20/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

(c) Sekiranya PM telah mendedahkan butiran pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dalam sebarang bentuk termasuk surat layang kepada pihak lain, maka perlindungan di bawah Polisi ini tidak akan diberi atau dibatalkan.

PERLINDUNGAN

8. Sesuatu pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang diterima boleh diberi perlindungan jika memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (a) Kebolehan untuk menentukan identiti, alamat dan kebolehan untuk menghubungi PM;
- (b) Kebolehan atau keupayaan untuk melindungi Maklumat Sulit;
- (c) Maklumat yang terkandung di dalam pendedahan Kelakuan Tidak Wajar itu tidak terlarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti akta sedia ada yang memberi perlindungan kepada PM, Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*], Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] (BAFIA), Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] dan akta-akta lain;
- (d) Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat mengikut saluran yang telah ditetapkan di bawah Polisi ini;

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	21/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (e) Maklumat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tidak didedahkan kepada pihak lain;
- (f) Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat dengan niat yang baik dan mempunyai kepercayaan yang munasabah bahawa sebahagian besar maklumat dibuat adalah benar; dan
- (g) PM tidak melanggar mana-mana syarat yang dinyatakan pada Perenggan 11 Polisi ini.

9. Jenis perlindungan yang diberikan adalah seperti berikut:

- (a) Maklumat Sulit PM adalah dirahsiakan dan tidak didedahkan termasuk semasa perbicaraan di mahkamah atau prosiding tatatertib; dan
- (b) Sekiranya PM merupakan Anggota Suruhanjaya atau Pegawai SSM, PM dilindungi daripada sebarang Tindakan Yang Memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	22/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

KERAHSIAAN

10. Semua maklumat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dan Maklumat Sulit PM akan dikategorikan sebagai dokumen terperingkat yang dikelaskan sebagai '**SULIT**' dan diberi perlindungan di bawah Arahan Keselamatan. Seseorang yang didapati membocorkan Maklumat Sulit PM boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 atau undang-undang yang berkaitan.

PEMBATALAN PERLINDUNGAN

11. Perlindungan terhadap PM ini akan **terbatal** sekiranya melanggar syarat-syarat seperti berikut:
- (a) PM sendiri telah menyertai Kelakuan Tidak Wajar yang didedahkan itu;
 - (b) PM dengan sengaja memberi maklumat palsu atau tidak benar;
 - (c) Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar itu adalah remeh atau menyusahkan;
 - (d) Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar mempersoalkan merit dasar Kerajaan atau SSM;

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	23/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

- (e) Pendedahan dibuat dengan motif untuk mengelak daripada dibuang kerja atau tindakan tatatertib yang lain; atau
- (f) PM dalam perjalanan membuat pendedahan itu, atau memberikan maklumat lanjut, telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Polisi ini.

SALURAN PENDEDAHAN

12. Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Pemberi Maklumat Dalaman SSM seperti di **Lampiran 1**, yang boleh diperolehi melalui Portal rasmi SSM iaitu www.ssm.com.my > Pemberi Maklumat (*Whistleblower*) > *Borang Pemberi Maklumat Dalaman SSM*.

13. Borang Pemberi Maklumat Dalaman SSM yang telah lengkap hendaklah dikemukakan sama ada melalui:

- (a) serahan tangan kepada Pengurus Kanan SID atau mana-mana PYDK yang dilantik; atau
- (b) e-mel ke alamat whistleblower@ssm.com.my.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	24/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

SALURAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN LAIN

14. Sekiranya Kelakuan Tidak Wajar yang hendak didedahkan oleh PM adalah di luar bidang kuasa SSM, maka SID hendaklah terlebih dahulu menasihati PM supaya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut dimajukan kepada Agensi Penguatkuasaan Lain yang mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan siasatan ke atas pendedahan Kelakuan Tidak Wajar itu, sebelum maklumat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar direkodkan.

15. SSM boleh menyalurkan pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang diterima kepada Agensi Penguatkuasaan Lain sekiranya SSM tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan Kelakuan Tidak Wajar itu.

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA SURUHANJAYA DAN PEGAWAI SSM

16. Semua Anggota Suruhanjaya adalah dipertanggungjawabkan untuk mematuhi Polisi ini. Mana-mana Anggota Suruhanjaya yang melanggar Polisi ini akan dilaporkan kepada Menteri untuk tindakan selanjutnya.

17. Semua Pegawai SSM adalah dipertanggungjawabkan untuk mematuhi Polisi ini. Mana-mana Pegawai yang melanggar Polisi ini boleh disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah yang boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	25/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

18. Semua Anggota Suruhanjaya dan Pegawai SSM adalah diingatkan tentang peruntukan Seksyen 25, Akta SPRM 2009 yang meletakkan kewajipan untuk melaporkan kepada SPRM atau PDRM sekiranya diberi, dijanjikan atau ditawarkan sebarang bentuk suapan dan adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 sekiranya mana-mana Anggota Suruhanjaya atau Pegawai SSM gagal berbuat demikian **boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.**

19. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran ke atas Polisi ini, Anggota Suruhanjaya, Pegawai SSM atau Pihak Ketiga boleh melaporkan pelanggaran tersebut melalui saluran berikut;

- (a) Portal rasmi SSM iaitu www.ssm.com.my > e-Integriti > Aduan;
- (b) E-mel rasmi aduan integriti SSM iaitu integriti@ssm.com.my;
- (c) Menghubungi mana-mana Pegawai SID atau hadir sendiri ke SID;
atau
- (d) Pos atau serahan tangan ke alamat seperti berikut:

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	26/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

Pengurus Kanan
 Seksyen Integriti dan Disiplin
 Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 Tingkat 30, Menara SSM@Sentral
 No.7, Jalan Stesen Sentral 5
 Kuala Lumpur Sentral
 50623 Kuala Lumpur

PEMBATALAN

20. Dengan berkuat kuasa Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2023), maka Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2020) SSM bertarikh 3 September 2020 adalah **dibatalkan**.

ARAHAN PENTADBIRAN

21. Pengerusi JAPR boleh dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan pentadbiran berhubung dengan Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2023) SSM.

 <small>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA</small>	SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
	POLISI PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN 2013 (PINDAAN 2023) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA				
NO. DOKUMEN	PK-SSM-P-SID-01			MUKA SURAT	27/27
TARIKH KUAT KUASA	26 JUN 2023	NO. KELUARAN	01	NO. PINDAAN	-

TARIKH KUAT KUASA

22. Polisi Pemberi Maklumat Dalaman 2013 (Pindaan 2023) SSM hendaklah berkuat kuasa serta merta pada tarikh Polisi ini ditandatangani. Semua Ketua Jabatan perlu memaklumkan penguatkuasaan Polisi ini kepada semua Pegawai di bawah seliaan masing-masing.

PENUTUP

23. Diharap dengan adanya Polisi ini, dapat menjadi panduan kepada Anggota Suruhanjaya, Pegawai SSM dan Pihak Ketiga untuk membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar yang dilakukan oleh individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM, dan juga sebagai jaminan bahawa PM serta maklumat mengenai pendedahan Kelakuan Tidak Wajar tersebut akan dilindungi.

BORANG PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

NO. RUJUKAN:

Sila lengkapkan borang ini.

Adakah anda Pegawai SSM?*	Ya		Tidak	
Adakah anda ingin mendedahkan identiti diri anda?*	Ya		Tidak	
Jika ya, sila lengkapkan maklumat berikut:				
Nama* :				
No. Kad Pengenalan* :				
E-mel* :				
No. Telefon* :				
Bahagian/Seksyen/Negeri/Cawangan (sekiranya Pegawai SSM)* :				
Alamat Surat Menyurat* :				
Bilakah masa yang sesuai untuk menghubungi anda?				
Apakah punca kejadian atau isu yang ingin anda ketengahkan?	Kewangan			
	Gangguan			
	Keselamatan			
	Lain-lain (sila nyatakan)			
1. Apakah insiden atau isu tersebut? Sila jelaskan.				

**BORANG PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

NO. RUJUKAN:

2. Dimanakah insiden atau isu tersebut berlaku? Sila jelaskan.

3. Bilakah insiden atau isu tersebut berlaku? Sila jelaskan.

4. Mengapa insiden atau isu tersebut berlaku? Sila jelaskan.

5. Bagaimana insiden atau isu tersebut berlaku? Sila jelaskan.

**BORANG PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN
 SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
NO. RUJUKAN:

Sila nyatakan individu dan/atau sekumpulan individu dalam SSM yang melakukan Kelakuan Tidak Wajar		
Nama 1 :		
Jawatan :		
Bahagian/Seksyen/ Negeri/Cawangan :		
Nama 2 :		
Jawatan :		
Bahagian/Seksyen/ Negeri/Cawangan :		
Jika melibatkan wang, sila anggarkan jumlah wang yang terlibat?	Ya	Tidak
Kurang daripada RM100		
RM101 sehingga RM500		
RM501 sehingga RM1,000		
RM1,001 sehingga RM5,000		
RM5,001 sehingga RM10,000		
Lebih daripada RM10,001		
Bagaimana anda mengetahui insiden atau isu ini?		

BORANG PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

NO. RUJUKAN:

Adakah anda mengesyaki sesiapa yang terlibat?	Tidak	Ya
Adakah anda mengesyaki Pengurusan Tertinggi yang terlibat?	Tidak	Ya
Adakah anda telah memaklumkan kepada Penyelia/Ketua Jabatan/Pengurusan Tertinggi atau pihak lain?	Tidak	Ya
Bolehkah anda mengenal pasti saksi-saksi yang lain yang terlibat?	Tidak	Ya
Nama saksi :		
Jawatan :		
Bahagian/Seksyen/ Negeri/Cawangan :		
No. Telefon :		
Pernahkah anda berbincang insiden atau isu ini dengan sesiapa?	Tidak	Ya
Nama individu tersebut :		
Jawatan :		
Bahagian/Seksyen/ Negeri/Cawangan :		
No.Telefon :		

Pengesahan Pemberi Maklumat :

.....

Nama :

No. Kad :

Pengenalan

Tarikh :

Pengesahan Pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK) :

.....

Nama :

No. Kad :

Pengenalan

Tarikh :

**BORANG PEMBERI MAKLUMAT DALAMAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

NO. RUJUKAN:

Arahan:

1. Sila lengkapkan dan hantar Borang ini secara serahan tangan kepada:

Pengurus Kanan
Seksyen Integriti dan Disiplin
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Tingkat 30, Menara SSM @ Sentral
No.7 Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623, Kuala Lumpur.
2. Borang ini juga boleh di e-mel kepada whistleblower@ssm.com.my.
3. Perkara bertanda (*) adalah maklumat yang **wajib** diisi bagi tujuan mendapat perlindungan di bawah Polisi ini.
4. Sila kemukakan dokumen sokongan (jika ada).
5. Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan.